

**SENI ISLAM DAN UNSUR KESENIANNYA
DI DALAM CATAN MODEN MALAYSIA**

MOHD KHAIRUL NIZAM BIN AHMAD TAJUDIN

97347017

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI HALUS
FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAMPUS PERAK

TAHUN 2001

Penghargaan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah yang tidak terhingga kehadiranNya kerana dengan limpah kurniaNya telah mengizinkan saya menyempurnakan penyelidikan tesis sebagai memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Halus fakulti senilukis dan senireka. Segala bentuk cabaran yang dilalui diharap mendapat keredaanNya. InsyaAllah.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Ahmad Tajudin Bin Abdul Halid dan _____ iaitu ibu dan ayah tercinta yang telah banyak menabur jasa, dorongan yang tidak dapat terungkap dengan kata-kata. Kepada adik-beradik saya Fauziah, Safrulzzaman, Khairil, Azuan dan Norherdawati yang serba sedikit membantu dalam menyempurnakan penyelidikan tesis ini. Di samping itu, ucapan berbilang-banyak terima kasih juga kepada Suraya Hanis Binti Ramli yang sentiasa membantu serta memberi dorongan dan semangat kepada saya sepanjang proses penyelidikan tesis ini.

Skop Kajian

Seni Islam pada hakikatnya adalah luas dan meliputi pelbagai aspek kesenian yang ada pada orang Melayu. Kajian yang telah saya lakukan ini adalah tidak meliputi secara keseluruhannya tetapi telah diskopkan hanya kepada dalam konteks seni catan sahaja. Seni catan yang dimaksudkan adalah karya-karya seni catan moden yang berunsur Seni Islam. Saya juga telah skopkan kepada seni catan moden yang terdapat di Malaysia sahaja.

Skop kajian yang telah dilakukan ini adalah kerana memandangkan ianya adalah suatu isu yang menarik bagi saya untuk melakukan kajian terhadap isu ini. Selain itu, tujuan isu ini telah diskopkan adalah memandangkan Kesenian Islam ini adalah luas dan meliputi pelbagai aspek maka saya telah skopkan kepada seni catan berunsur Seni Islam agar kajian saya ini mempunyai matlamat serta tujuan yang telah ditetapkan.

Isi Kandungan

Muka surat

Halaman Tajuk	
Halaman Pemeriksa	
Penghargaan	i
Objektif kajian	iv
Skop Kajian	vi
Kaedah Penyelidikan	vii
Sinopsis	x
Isi Kandungan	xiv
Senarai Gambar	xvii
Senarai Sisipan	xx

BAB I : SEJARAH AWAL SENI DAN SELEPAS KEDATANGAN ISLAM DI MALAYSIA

1.1 : Sejarah Awal Seni Di Malaysia	2
1.1.1 Seni Rupa	3
1.1.2 Senibina	8
1.1.3 Seramik	10
1.2 : Kesenian Di Malaysia Selepas Kedatangan Islam	15
1.2.1 Senibina	21

BAB I

SEJARAH AWAL SENI DAN SELEPAS KEDATANGAN ISLAM DI MALAYSIA.

1.1 Sejarah Awal di Malaysia.

Seni rupa di tanahair telah lama wujud di negara sejak di zaman batu lagi. Ini dapat dibuktikan melalui penemuan di beberapa gua yang terdapat di tanahair. Lakaran yang terdapat di permukaan batu dan juga beberapa peralatan yang digunakan ketika masyarakat di zaman purba. Dalam hal yang berkaitan dengan seni primitif ini George Kubler menjelaskan:

“Marilah kita anggap bahawa gagasan seni itu boleh diperbesarkan batasnya demi merangkumi semua dan segala benda yang dibuat oleh manusia, termasuk alat-alat dan tulisan, di samping benda-benda yang indah, puitis dan juga benda-benda yang tidak berguna di dalam dunia ini.”¹

Mengikut pandangan ini maka segala sesuatu yang dibuat oleh manusia adalah benda-benda yang secara kebetulan diperkatakan oleh sejarah seni. Setiap karya dan perasaan masyarakat yang dicurahkan dalam bentuk seni

¹ Zakaria Ali, Seni Dan Seniman (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1984), hlm. 146.